




UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

GAYA BAHASA DALAM NOVEL REMAJA KHAIRUDIN AYIP

FBMK 2005 10

**GAYA BAHASA DALAM NOVEL REMAJA
KHAIRUDDIN AYIP**



**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2005



**GAYA BAHASA DALAM NOVEL REMAJA
KHAIRUDDIN AYIP**



© Tesis Ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,
Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Mac 2005

DEDIKASI

Kamariah Mohamad

atas segala kasih sayang bonda yang melimpah, doa kudus dan juraian restu yang sering irangi kejayaan anaknya mengapai puncak jaya.

Poziah Aziz

atas jerih payah pengorbanan seorang umi yang membakar dupa semangat serta tabah harungi lautan resah dalam mengintai sinar bahagia

*Nurazreen Farhana, Nurnadia Faryana, Ahmad Adzrulsyafiq, Ahmad Adzrilsyafuan,
Nuramelia Farliana, Nurnajwa Fardiana*

cahaya mata kesayangan, penawar resah tatkala menghadapi duka pahit getir kehidupan semoga mengerti segala pengorbanan seorang abah

Khairuddin Ayip,

idola pencetus ilham yang mengerti kepayahanku, mengharap kembang di jambangan persahabatan terus mekar mewangi

Arba'ie Sujud, Azhar Ghani, Che Harun Ablah

teman setia yang sering menghulur idea, dorongan, dupa semangat serta perangsang sehingga berjaya jua kujejaki harapan kalian.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

GAYA BAHASA DALAM NOVEL REMAJA KHAIRUDDIN AYIP

Oleh

MOHD AZHAR SU

Mac 2005

Pengerusi: Dato' Kamaruzzaman A. Kadir

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini berdasarkan analisis, perbincangan dan penilaian gaya bahasa dalam novel remaja Khairuddin Ayip iaitu *Guruku Ibuku Jua*, *Bukan Untukku*, *Songket Berbenang Emas*, *Sayangnya Jauh Di Kota*, *Jalan Masih Berliku* dan *Teguh*.

Kajian dijalankan melalui kaedah penyelidikan kepustakaan untuk mendapat bahan, maklumat, keterangan dan penyataan. Tinjauan terhadap kajian mengenai gaya bahasa yang pernah dilakukan bertujuan untuk menganalisis aspek pendekatan yang sering digunakan dalam kajian yang berkaitan.

Hasil kajian mendapati novel remaja Khairuddin Ayip mempunyai ciri-ciri keindahan universal dari segi gaya bahasa, nilai intelek dan nilai etika. Novelis menggunakan secara maksimum kesemua aspek gaya bahasa untuk mengolah dan menjalin cerita terutama dalam perlukisan jiwa, perasaan, suasana atau latar dengan menggunakan bahasa asing, kata pinjaman, dialek, bombastik dan apostrophe, gaya bahasa perulangan, perbandingan dan pertentangan untuk mencernakan novel remaja tersebut.

Hasil kajian juga mendapati gaya bahasa dapat memperlihatkan jiwa dan keperibadian novelis. Penemuan ini dapat mencerminkan kemantapan serta kematangan novelis tersebut.

Keseluruhannya, novelis berjaya mengekspoitiasi sepenuhnya gaya bahasa untuk menyampaikan pemikiran dan gagasan ke arah wawasan pembinaan dan penyatuan golongan remaja.

Abstract of thesis prisedted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

STYLISTIC IN ADOLESCENCE NOVELL KHAIRUDDIN AYIP

By

MOHD AZHAR SU

March 2005

Chairman: Dato' Kamaruzzaman A. Kadir

Faculty : Moden Language and Comunication

This reaserch reafer to analysis, discussion and language valuation stylistic in Khairuddin Ayip adolescence novel; *Guruku Ibuku Jua*, *Bukan Untukku*, *Songket Berbenang Emas*, *Sayangnya Jauh Di Kota, Jalan Masih Berliku anda Teguh*.

The study had been done through a library investigation method to get a matterial, information, illustration dan understanding. A reaserch on language style which have been done to analyse the aspect of the approach which is always used in this reaserch.

This reaserch stated that Khairuddin Ayip's novels own the universal chacteristic beuty through language, intelectual value and ethic value.

In all aspect, the novelist use maximum in al aspect thet language style formulate and creat stories – artistic soul, feeling enviroment and apostrophe, repetition, comperrision and apposition to absorb to emage novel.

In this survey, it show language style can be seen in soul and personality of the novelist. This discovery reflect confutably and matured sensitivity and creativity of Khairuddin Ayip as a talented adolescence novelist.

Entinity, novelist fully explait style for convey opinion, messege to vision develop and unite all adolescence.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan izin-Nya, saya dapat siapkan tugas Penulisan Akademik yang *bertajuk Gaya Bahasa Dalam Novel Remaja Khairuddin Ayip.*

Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Kamaruzzaman A. Kadir (Dharmawijaya) selaku penyelia utama, Dr. Ramli @ Sahari Isin, Dr. Haji Abdul Rahim Marashidi yang memain peranan penting selaku penyelia, Prof. Madya Haji Taha A. Kadir, Haji Mohammad Kassim serta para pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi UPM yang banyak memberi saranan, panduan, nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang amat berguna sehingga Penulisan Akademik ini dapat disempurnakan.

Terima kasih juga kepada ahli keluarga, rakan seperjuangan yang tidak jemu-jemu memberi dorongan dalam usaha saya menyiapkan Penulisan Akademik ini. Diharapkan semoga hasil kajian ini memberi manfaat kepada para semua yang meminati bidang kesusastraan Melayu.

Wassalam.

MOHD AZHAR SU, PJK
496-B Kampung Paloh,
20050 Kuala Terengganu,

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Kekerapan Penggunaan Bahasa Inggeris	68
2 Kekerapan Penggunaan Bahasa Indonesia	71
3 Kekerapan Penggunaan Bahasa Jepun	73
4 Kekerapan Penggunaan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris	75
5 Kekerapan Penggunaan Kata Pinjaman Bahasa Arab	79
6 Kekerapan Penggunaan Dialek	85
7 Kekerapan Penggunaan Bahasa Bombastik	88
8 Kekerapan Penggunaan Apostrophe	94
9 Kekerapan Penggunaan Anafora	107
10 Kekerapan Penggunaan Epifora	112
11 Kekerapan Penggunaan Simplok	110
12 Kekerapan Penggunaan Responsi	120
13 Kekerapan Penggunaan Woordopname	124
14 Kekerapan Penggunaan Paralelisme	128
15 Kekerapan Penggunaan Tautotes	132
16 Kekerapan Penggunaan Tautologi	137
17 Kekerapan Penggunaan Peribahasa	144
18 Kekerapan Penggunaan Simpulan Bahasa	147
19 Kekerapan Penggunaan Simile	151
20 Kekerapan Penggunaan Personifikasi	154

21	Kekerapan Penggunaan Metafora	159
22	Kekerapan Penggunaan Hiperbola	161
23	Kekerapan Penggunaan Alegori	169
24	Kekerapan Penggunaan Alusi	171
25	Kekerapan Penggunaan Eufemisme	173
26	Kekerapan Penggunaan Disfemisme	175
27	Kekerapan Penggunaan Paradoks	178
28	Kekerapan Penggunaan Ironi	181
29	Kekerapan Penggunaan Litotes	185
30	Kekerapan Penggunaan Inversi	189
31	Kekerapan Penggunaan Antitesis	192

SINGKATAN

Bhd.	Berhad
BUK	Bukan Untukku
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
GAPENA	Gabungan Penulis Nasional
GIJ	Guruku Ibuku Jua
JMB	Jalan Masih Berliku
JPT	Jabatan Parit dan Taliair
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
MPTI	Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim
PELITA	Persatuan Sasterawan Terengganu
SBE	Songket Berbenang Emas
Sdn.	Sendirian
SJK	Sayangnya Jauh Di Kota
SK	Sekolah Kebangsaan
SM	Sekolah Menengah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SR	Sekolah Rendah
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
STP	Sijil Tinggi Persekolahan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

Kandungan

DEDIKASI
ABSTRAK
ABSTRACT
PENGHARGAAN
PENGESAHAN
PERAKUAN
SENARAI JADUAL
SINGKATAN

BAB

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SINGKATAN	xiii
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Latar Belakang Khairuddin Ayip	4
Penyataan Masalah	11
Kepentingan Kajian	13
Objektif Kajian	15
Pembatasan Kajian	16
Kaedah Kajian	17
Definisi Konsep	17
Gaya Bahasa	18
Novel Remaja	26
Rumusan	33
II SOROTAN LITERATUR	34
Pengenalan	34
Kajian Secara Umum	34
Kajian Secara Khusus	41
Rumusan	46
III METODOLOGI KAJIAN	47
Pengenalan	47
Pemilihan Bahan Kajian	47
Pendekatan Kajian	48
Pendekatan Stilistik	49
Rumusan	61

IV	ANALISIS GAYA BAHASA DALAM NOVEL REMAJA KHAIRUDDIN AYIP	62
	Pengenalan	62
	Diksi dan Sintaksis	63
	Penggunaan Diksi	65
	Bahasa Asing	66
	Bahasa Inggeris	68
	Bahasa Indonesia	70
	Bahasa Jepun	72
	Kata Pinjaman	74
	Bahasa Inggeris	75
	Bahasa Arab	79
	Dialek	82
	Bombastik	88
	Aphostrophe	93
	Struktur Sintaksis	97
	Ayat Pendek	98
	Ayat Sederhana	100
	Ayat Panjang	103
	Gaya Bahasa	106
	Gaya Bahasa Perulangan (Penegasan)	106
	Anafora	107
	Epifora	111
	Simplok	116
	Responsi	119
	Woordopname	124
	Paralelisme	128
	Toutotes	132
	Tautologi	137
	Gaya Bahasa Perbandingan (Kiasan)	143
	Peribahasa	144
	Simpulan Bahasa	146
	Simile	150
	Personifikasi	153
	Metafora	158
	Hiperbola	161
	Alegori	168
	Alusi	170
	Eufemisme	172
	Disfemisme	174

Gaya Bahasa Pertentangan	177
Paradoks	177
Ironi	181
Litotes	184
Inversi	188
Antitesis	191
Rumusan	197
V KESIMPULAN	200
Pengenalan	200
Rumusan Kajian	200
Cadangan	206

BIBLIOGRAFI

BIODATA PENULIS

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sastera merupakan satu karya kreatif yang dibuat secara sistematik. Karya sastera boleh membawa maksud sebarang tulisan bentuk berangkap atau prosa, atau dirujuk sebagai kumpulan tulisan. Menurut Hashim Awang (1988:1), sastera dapat diertikan sebagai ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa yang indah dan mengandungi isi baik serta berfaedah. Jika ditinjau daripada aspek pertumbuhan dan perkembangannya sejak kebelakangan ini, amat jelas dilihat betapa sastera remaja mempunyai masa depan yang amat baik. Penulisan sastera kreatif remaja berbentuk novel di negara ini masih baru jika dibandingkan dengan bidang penulisan sastera kanak-kanak dan sastera dewasa.

Othman Puteh (1989:21), mengatakan perkembangan yang baik dalam dunia sastera remaja ialah adanya kecenderungan pihak penerbit atau institusi tertentu menganjurkan peraduan mengarang novel remaja iaitu DBP dan usaha sama Esso-GAPENA yang bermula sejak tahun 1978.

Seterusnya beliau mengatakan (1998:21), bidang sastera remaja ini mula mendapat pengiktirafan dan jelas konsepnya pada tahun 1984. Hal ini ada kaitannya dengan pembentukan Cawangan Sastera Remaja di DBP. Setahun kemudian, diadakan pula Minggu Remaja (kini dikenali Minggu Penulis Remaja) dengan mengumpulkan penulis

remaja dari seluruh tanah air dan diberi pendekatan teknik menulis novel, cerpen, dan puisi.

Bagi menghayati sesebuah karya kesusasteraan atau penulisan kreatif dengan lebih berkesan, seseorang pembaca perlu mengetahui sedikit sebanyak mengenai aspek-aspek gaya bahasa sesebuah karya. Dengan adanya pengetahuan mengenai aspek-aspek tersebut dapatlah seseorang pembaca itu mengetahui apa yang tersurat dan memahami apa yang tersirat di dalam karya sastera. Oleh sebab tradisi penulisannya yang masih baru, kajian secara ilmiah masih lagi berkurangan. Jika ada pun kajian yang dibuat, hanyalah menyorot perkembangan sastera remaja itu sendiri, dengan tidak melihat gaya bahasa dalam proses penghasilan karya berkenaan. Menyedari hal tersebut, kajian yang mendalam tentang gaya bahasa dalam karya sastera remaja, khasnya novel remaja perlu diperbanyakkan.

Ada pendapat yang mengatakan novel remaja terhasil hanyalah terdorong untuk tujuan komersil . Ini diakui sendiri oleh A.Samad Said yang pernah menghasilkan puluhan novel remaja. Menurutnya, ada penerbit menawarkan wang RM25 ribu untuknya membuat novel remaja, tetapi beliau tidak berminat kerana tidak sanggup menggadaikan mutu seni kerana wang (Othman Puteh, 1998:29).

Abdul Ahmad (1992:30), berpendapat kesusasteraan remaja seharusnya menjadi jambatan atau penyambung antara kesusasteraan kanak-kanak dan dewasa, yang kini terasa terabai dan hidup sebagai fenomenon dalam “tradisi pinggiran”. Kesusasteraan

remaja ini hidup bagaikan pohon di sebuah pulau besar, yang ada buahnya dan melambai-lambai daun-daunnya. Dan pohon tersebut mahu hidup dan berusaha menempatkan dirinya dalam sfera kesusasteraan yang lebih besar.

Malah ada tanggapan bahasa sastera remaja itu tidak wujud dalam peta kesusasteraan Malaysia. Golongan ini hanya menganggap yang wujud hanya sastera, tanpa boleh dipisahkan antara sastera kanak-kanak, remaja dan dewasa. Keadaan ini tidak menghairankan kerana mereka lebih cenderung melihat apa yang berlaku dalam kesusasteraan di luar Malaysia. Oleh itu, Sahlan Mohd. Saman mengatakan;

“Kalau kita tinjau di negara jiran Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, dan Filipina, bahan-bahan bacaan dalam kelas sastera remaja ini seperti tidak ada. Sastera Inggeris cuma menggolongkan sastera kepada dua, iaitu “children literature” dan yang dewasa. Istilah “adolescent literature” adalah suatu yang mungkin mengejutkan masyarakat Barat.” (1989:6)

Pengkaji mendapati kesusasteraan remaja kurang diberi perhatian di kalangan pengkritik sastera tanah air. Untuk memastikan kesusasteraan remaja terus subur, peranan pengkritik amat penting. Menerusi kritikanlah masyarakat umum khususnya pembaca remaja dapat mengetahui karya bermutu berada di pasaran.

Ada pula tanggapan bahawa sastera remaja tidak memberi manfaat kepada remaja, dengan mengenepikan golongan remaja perlu didedahkan dengan bahan bacaan bermutu. Bagi pengkaji, sumbangan sastera remaja amat besar dalam membina keperibadian yang murni dan pembentukan pemikiran yang mantap. Pengkaji akan mempertahankan bahawa sastera remaja sebenarnya berperanan besar dalam memberikan pengetahuan dan dapat memberikan tanggapan yang betul terhadap persekitaran.

Latar Belakang Khairuddin Ayip

Khairuddin bin Ayip lahir pada 25 Februari, 1962 di Kampung Jelotong, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan anak keenam daripada sembilan adik beradik. Ayahnya pekerja JPT sementara ibunya seorang penoreh getah. Pada tahun 1969, beliau mendapat pendidikan awal di SK Pintas Raya dan pada tahun 1975, beliau meneruskan persekolahan di SM Tun Ismail sehingga lulus SPM. Pada tahun 1980, Khairuddin melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di SM Dato' Bentara Luar. Setelah lulus STP, pada tahun 1982 hingga 1984 beliau mengikuti kursus dalam bidang Pendidikan Sekolah Menengah, Pendidikan Seni dan Pengajian Melayu di MPTI, Johor Bahru. Mulai tahun 1985, Khairuddin bertugas sebagai guru di SRK Sri Petaling, Petaling Jaya. Setelah sepuluh tahun di sekolah tersebut, beliau bertugas di SR Seksyen 18, Shah Alam sebagai Penyelia Petang. Bermula Disember 1995, bertugas sebagai Guru Penolong Kanan I di SK Seksyen 20, Shah Alam. Mulai bulan Julai 1996, beliau melanjut pelajaran dalam bidang Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Setelah tamat, pada tahun 1999 sehingga kini beliau bertugas di SM Teknik, Shah Alam, Selangor.

Latar tempat tinggal banyak mempengaruhi Khairuddin dalam bidang penulisan. Tempat lahir beliau Kampung Parit Jelotong, merupakan kampung tradisi masyarakat berketurunan Jawa yang letaknya empat kilometer dari pekan Parit Raja, mendapat kemudahan air paip dan elektrik pada tahun 1976, manakala talian telefon pada tahun 1988. Beliau melalui kehidupan sebagai warga kampung, penghuni asrama sekolah pada

tahun 1981 dan sewaktu mengikuti kursus perguruan di MPTI. Kehidupannya banyak berubah semasa bertugas di SRK Sri Petaling, sekolah elit yang menempatkan anak menteri, kerabat raja, datuk, orang berpangkat besar dan golongan berada.

Khairuddin menumpang di rumah abangnya Zainuddin Ayip di Gombak dan Ampang tetapi apabila abangnya berpindah ke Kuala Terengganu, beliau menyewa di apartmen yang sesak di Jalan Raja Alang, Kuala Lumpur. Selama enam bulan tinggal di situ, beliau dapat melihat pelbagai ragam kehidupan, dari manusia yang baik hingga penagih dadah dan pelacur. Hidup di kawasan Chow Kit terlalu keras, penting diri dan nekad, secara tidak langsung membentuk dirinya menjadi berani hadapi segala kemungkinan. Enam bulan kemudian beliau berpindah ke Batu 10, Cheras dan enam bulan selepas itu berpindah ke Taman Sri Muda, Shah Alam (1987), menyewa rumah bersama wartawan dan novelis remaja Muhd. Nasruddin Dasuki. Beliau menyewa di situ sehingga tahun 1993. Kini Khairuddin tinggal di rumah sendiri di kawasan perumahan mewah Kota Kemuning, Shah Alam.

Khairuddin mendapat dorongan awal sebagai penulis kerana minat membaca buku dan novel bersiri Dewan Pelajar serta faktor keluarga, apabila menatap karya abangnya Shamsuddin, Zainuddin dan Baharuddin terpampang di media massa. Pada tahun 1975, beliau mula menulis dan karyanya yang pertama tersiar di Berita Harian semasa beliau di tingkatan tiga. Karya pertamanya dibayar sebanyak RM10.00 menerusi rencana yang tersiar di majalah *Teruna*.

Pada tahun 1980, sewaktu menunggu keputusan SPM, Khairuddin menulis novel *Cinta Yang Rapuh* yang diterbitkan oleh Knight Publishing dengan imbuhan RM250.00. Waktu itu mulai timbul keyakinan bakat dirinya dalam bidang penulisan. Setahun kemudian, beliau menulis novel *Pelangi Senja* yang diterbitkan oleh Tra-tra Publishing pada tahun 1983. Semasa menunggu keputusan STP, beliau menggarap novel *Ayahku Ayahku Jua* (diterbitkan dengan judul *Guruku Ibuku Jua*), yang berjaya mendapat tempat ketiga Peraduan Hadiah Sastera Esso-GAPENA II, 1982.

Khairuddin menulis novel *Guruku Ibuku Jua* disebabkan beberapa faktor. Beliau manfaatkan masa terluang ketika menunggu keputusan STP, dengan menulis. Suatu hari beliau bertemu Bokhari Paiman dan Kahar Udi di Batu Pahat yang menceritakan pertemuan dengan Kemala dan Maarof Saad yang syorkan mereka masuk sayembara anjuran Esso-GAPENA. Kedua-dua sahabatnya berhasrat menulis karya dewasa kerana lebih hebat diperkatakan tetapi Khairuddin ingin menulis genre sastera yang belum ada tokoh iaitu bacaan untuk remaja di sekolah menengah rendah.

Semasa dalam bas waktu pulang, Khairuddin mendapat idea untuk membentuk jalur cerita yang menarik. Beliau terbayang guru kelasnya di tingkatan enam atas yang baik dan bersifat penyayang dan tertarik kepada persahabatan Mazwin dan Fariza, pelajar tingkatan empat yang cantik dan periang dikumpulkan menjadi bahan penulisan. Tiba di rumah, beliau terus mencatat segala isi untuk dimuntahkan dalam bentuk karya. Ketika asyik menaip, beliau terdengar ayahnya yang sedang membelah kayu di halaman

membebek, “anak sudah besar panjang, sudah habis sekolah sepatutnya bantu orang tua, bukannya duduk goyang kaki sahaja.”

Khairuddin memberontak dalam hati, orang tua tidak mengerti! Orang tua tidak faham perasaan anak! Perasaan benci terhadap orang tuanya bergolak di hatinya tetapi tidak berani diluahkan. Rasa kebencian itu diluahkan dalam novel menerusi watak Syukri yang tidak setuju ayahnya kahwin lagi. Watak Cikgu Salamah ditukar nama kepada Cikgu Fauziah, manakala nama Mazwin dan Faiza dikekalkan. Ayahnya terus bising dan beliau berhasil membentuk sifat kebencian di jiwa Syukri.

Sekarang keputusannya tidak boleh ditarik balik. Beg selempangnya sudah sendat diisi dengan pakaian dan beberapa nota pelajaran. Dia muh lari dari rumah. Dia muh meninggalkan rumah. Tidak kira ke mana arahnya. Pokoknya asalkan dapat meninggalkan rumah yang dirasakan seperti neraka. (Khairuddin Ayip, 1985:53)

Manuskrip novel telah siap ditaip tetapi ketika menaip semula manuskrip itu di kertas bersih, beliau mendapat tawaran ke MPTI. Tugasan itu diselesaikan di maktab lalu dihantar ke peraduan. Apabila keputusan diumumkan, keluarganya tidak menduga beliau mendapat hadiah RM3,000.00 dan royalti RM5,000.00. Beliau semakin yakin setelah menangi anugerah dan ayahnya mulai merestui minat beliau. Mulai detik itu beliau terus berkarya, menulis puisi, cerpen, drama radio dan drama pentas.

Khairuddin pada mulanya terasa risau apabila ditugaskan di SRK Sri Petaling yang menempatkan anak golongan berada dan elit tetapi setelah tiga tahun bertugas di situ barulah wujud keyakinan diri dan timbul perasaan seronok. Beliau bertugas di sekolah